

Hubungan Malaysia-Indonesia Dapat Diperkuat Melalui Kegiatan Bercorak Kerohanian
Bername
12 Disember, 2011
Oleh Ahmad Fuad Yahya

JAKARTA, 12 Dis (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata hubungan Malaysia dan Indonesia dapat diperkuat lagi menerusi kegiatan-kegiatan bercorak kerohanian termasuklah latihan memperkasakan sumber daya manusia seperti yang anjurkan badan Emotional and Spiritual Quotient (ESQ).

Beliau berkata kegiatan latihan ESQ ini dapat menjadi jambatan bagi hubungan kedua-dua negara yang semakin baik di masa hadapan.

Ini kali kedua beliau mengikuti latihan ESQ, selepas latihan bersama pegawai tentera dan pegawai Kementerian Pertahanan pada 2009. Kali ini beliau kembali mengikuti latihan itu bersama isteri dan anak-anak.

ESQ ialah program latihan pembentukan sifat-sifat diri yang dikendalikan oleh Pusat Kepimpinan ESQ, pimpinan tokoh motivasi Indonesia Dr Ary Ginajar Agustin.

Ahmad Zahid berkata latihan ESQ dapat menyumbang kepada hubungan yang lebih rapat di peringkat rakyat kedua-dua negara serumpun yang terpisah oleh penjajahan, dan pada masa yang sama boleh membantu menyelesaikan masalah-masalah dua hala melalui pendekatan yang baik dan bijaksana.

"Sikap bijak itu hanya boleh dilatihkan melalui ESQ ini. Jangan dibesar-besarkan persoalan yang ada sehingga menjadikan kedua negara lupa bahawa mereka ada hubungan budaya, bahasa dan agama yang serumpun," katanya yang dipetik oleh agensi berita Antara pada Ahad.

Menteri itu kesal ada tanggapan salah tentang Malaysia oleh sebahagian masyarakat Indonesia seperti kononnya Malaysia ialah "penindas" rakyat republik ini.

Apabila hubungan antara rakyat semakin rapat, permasalahan dua hala boleh diselesaikan dengan baik dan hubungan baik kedua-dua negara juga dapat terus dipelihara, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633573>